

PERINTAH PENJAGAAN & PERLINDUNGAN di bawah Mahkamah Belia

PERKARA-PERKARA YANG PERLU



Kandungan

- 01 Pengenalan
- 02 Apa itu CPO?
- 04 Bilakah seseorang Kanak-Kanak atau Orang Muda Perlu diberi Penjagaan dan Perlindungan?
- 06 Proses Permohonan CPO
- 07 Apakah perintah-perintah yang boleh dikeluarkan oleh Mahkamah?
- 08 Perintah Penjagaan dan Perlindungan Diperluaskan
- 09 Bagaimana jika Ibu Bapa/Penjaga Ingin Menentang Permohonan CPO?
- 10 Maklumat Berguna
- 11 Sepintas Lalu Istilah yang Digunakan

Penafian

- Penerbitan ini meliputi Perintah Penjagaan dan Perlindungan sebagai maklumat am sahaja. Ia bukan bertujuan untuk digunakan sebagai nasihat guaman.
- Jika anda memerlukan nasihat guaman, sila hubungi mana-mana peguam.
- Pihak penerbit tidak bertanggungjawab ke atas sebarang dan kesemua liabiliti yang terbit daripada dan berhubungan dengan isi kandungan risalah ini
- Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari laman web di www.judiciary.gov.sg/family/care-protection-children-young-persons



(atau kod QR)



Pengenalan

Bagi kanak-kanak atau orang muda di bawah umur 18 tahun yang perlu diberi penjagaan atau perlindungan, Ketua Pengarah Kebajikan Sosial (Ketua Pengarah) atau pegawai perlindungan kanak-kanak (Pelindung) dari Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) boleh memohon bagi mendapatkan Perintah Penjagaan dan Perlindungan (CPO). Risalah ini memberi anda maklumat tentang bagaimana permohonan CPO dilakukan.

Apa itu CPO?

CPO adalah perintah mahkamah bagi kanak-kanak dan orang muda (di bawah umur 18 tahun) yang perlu diberi penjagaan dan perlindungan demi keselamatan mereka.

Permohonan CPO didengar di Mahkamah Belia yang menangani kes-kes melibatkan kanak-kanak dan orang muda di bawah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (CYPA).



Sebelum permohonan CPO dibuat, Ketua Pengarah Kebajikan Sosial (Ketua Pengarah) atau pegawai perlindungan (Pelindung) dari Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) boleh:

A
Mengeluarkan kanak-kanak atau orang muda tersebut dari rumah mereka dan dihantar ke sebuah tempat penjagaan dan perlindungan sementara; atau

B
membawa kanak-kanak atau orang muda tersebut berjumpa doktor yang berdaftar atau pegawai kebajikan bertauliah untuk menilai taraf kesihatan dan rawatan yang mereka perlukan



Bilakah seseorang Kanak-Kanak atau Orang Muda Perlu Diberi Penjagaan dan Perlindungan?

Seseorang Kanak-Kanak/Orang Muda perlu diberi penjagaan dan perlindungan jika ia:



tidak mempunyai ibu bapa atau penjaga



telah ditinggalkan oleh ibu bapa/penjaganya, dan tiada sesiapa yang sesuai dan sanggup serta terdaya untuk menjaganya



mempunyai ibu bapa/penjaga yang

- tidak berdaya atau telah mengabaikan untuk memberi ia makanan, pakaian, bantuan perubatan, penginapan, penjagaan atau keperluan lain yang mencukupi
- tidak layak atau terdaya, atau telah mengabaikan untuk menyelia dan mengawal ia dengan sempurna menyebabkan ia bergaul dengan orang-orang jahat dan ia



telah atau berisiko untuk dizalimi

- oleh ibu bapa/penjaganya
- oleh orang-orang lain kerana ibu bapa/penjaganya tidak dapat melindunginya



perlu diperiksa, disiasat atau dirawat dengan tujuan untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan dirinya



mengalami atau berkemungkinan mengalami gangguan emosi akibat penderaan emosi atau psikologi oleh ibu bapa/penjaganya





yang mana suatu kesalahan bersangkutan telah atau dipercayai telah berlaku terhadap dirinya




dirinya dalam bahaya kerana suatu kesalahan yang bersangkutan telah dilakukan terhadapnya oleh ibu bapa/penjaganya atau orang lain dalam keluarga yang sama



berkelakuan yang membahayakan dirinya atau berkemungkinan membahayakan dirinya atau terhadap sesiapa sahaja, dan

- ibu bapa/penjaganya tidak berdaya atau tidak sanggup untuk mengambil langkah yang perlu bagi memulihkan keadaan tersebut
- atau langkah yang diambil oleh ibu bapa/penjaganya gagal



didapati berada dalam keadaan

- tiada penginapan dan tidak dapat menanggung dirinya
- mengemis untuk meminta wang atau/dan makanan
- menjual loteri haram, berjualan tanpa lesen, berjudi atau melakukan kegiatan lain yang tidak diinginkan
- menggunakan atau menghidu bahan yang memabukkan (menurut definisi dalam Akta Bahan-Bahan Memabukkan)

Proses Permohonan CPO

LANGKAH 1


Ketua Pengarah atau Pelindung memfailkan aduan bagi pihak kanak-kanak atau orang muda tersebut di Mahkamah Belia.



LANGKAH 2

Hakim Mahkamah Belia akan membuat keputusan jika aduan yang dibuat mempunyai alasan-alasan yang cukup untuk menjalankan penyiasatan. Jika terbukti, Hakim Mahkamah Belia akan meminta Laporan Sosial bagi kanak-kanak atau orang muda tersebut.

Hakim Mahkamah Belia boleh memerintahkan agar kanak-kanak atau orang muda ini diletakkan di bawah jagaan seseorang yang layak ataupun di tempat yang selamat sementara Laporan Sosial disiapkan.



LANGKAH 3

Pegawai perlindungan kanak-kanak akan menemu duga kanak-kanak atau orang muda tersebut serta ibu bapa/penjaganya dan atau orang-orang lain yang berkepentingan sebelum Laporan Sosial diserahkan ke Mahkamah Belia.



Apakah perintah-perintah yang boleh dikeluarkan oleh Mahkamah Belia?

Hakim Mahkamah Belia akan menimbangkan isi kandungan Laporan Sosial dan berbincang dengan dua ahli Panel Penasihat (mereka adalah individu dalam masyarakat yang berpengalaman luas tentang kanak-kanak dan belia-belia dan mereka dilantik oleh Presiden Singapura).

Jika Hakim Mahkamah Belia berpuas hati bahawa kanak-kanak atau orang muda tersebut memerlukan penjagaan atau perlindungan, Hakim Mahkamah Belia boleh:



Memerintahkan ibu bapa/ penjaga kanak-kanak atau orang muda tersebut diikat jamin agar kanak-kanak atau orang muda ini mendapat penjagaan sempurna



Memerintahkan kanak-kanak atau orang muda ini diletakkan di bawah jagaan orang yang layak selama tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah



Memerintahkan kanak-kanak atau orang muda ini dihantar ke tempat sementara untuk penjagaan dan perlindungan selama tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah



Meletakkan kanak-kanak atau orang muda ini dibawah penyeliaan Ketua Pengarah, Pelindung, pegawai kebajikan atau sesiapa sahaja yang dilantik oleh Mahkamah selama tempoh yang ditetapkan oleh Mahkamah

Perintah Penjagaan dan Perlindungan Diperluaskan

Perintah Penjagaan dan Perlindungan Diperluaskan (ECPO) diperkenalkan setelah CYP A dipinda baru-baru ini untuk menjamin kestabilan dan penjagaan jangka panjang kepada kanak-kanak dan orang muda ini.

Hakim Mahkamah Belia mungkin membuat ECPO ke atas kanak-kanak atau orang muda tersebut untuk diletakkan di bawah jagaan orang yang layak sehingga kanak-kanak atau orang muda tersebut mencecah usia 21 tahun atau selama tempoh yang lebih singkat yang ditetapkan oleh Mahkamah jika:



Kanak-kanak atau orang muda ini masih berada di bawah CPO atau di bawah jagaan seorang pemberi penjagaan selain ibu bapa/penjaganya melalui persetujuan penjagaan secara sukarela selama tempoh tertentu yang ditetapkan atau lebih.



Ibu bapa/penjaganya tidak layak untuk menjaga kanak-kanak atau orang muda ini



Kanak-kanak/orang muda ini didapati tidak sesuai untuk dijaga oleh ibu bapa/penjaganya

Hakim Mahkamah Belia mungkin akan membuat perintah untuk membenarkan Ketua Pengarah atau Pelindung atau pemberi penjagaan bagi kanak-kanak/orang muda ini membuat keputusan yang melibatkan kanak-kanak/orang muda tersebut

Bagaimana jika Ibu Bapa/Penjaga Ingin Menentang Permohonan CPO?

Sebagai ibu bapa/Penjaga yang ingin menentang permohonan CPO atau ECPO yang dibuat ke atas anak anda, anda boleh memberitahu Hakim di Mahkamah Belia. Hakim akan memberi arahan kepada pihak-pihak yang terlibat untuk memfailkan dokumen-dokumen sokongan sebelum tarikh perbicaraan ditetapkan.

Semasa perbicaraan, Hakim Mahkamah Belia akan mendengar keterangan dari anda, Ketua Pengarah atau Pelindung, ataupun dari peguam yang mewakili anda sebelum membuat keputusan.



Maklumat Berguna

Hubungi polis di 999 dengan segera jika nyawa kanak-kanak tersebut berada dalam bahaya

Untuk melaporkan sebarang kes penderaan atau pengabaian yang anda syaki, hubungi: **Talian Penting Child Protection Services** 1800-777-0000

Bagi mendapatkan nasihat berhubung soal perlindungan kanak-kanak, hubungi:

Big Love Child Protection Specialist Centre

Laman Web: <http://www.biglove.org.sg/>

Waktu beroperasi:

Isnin hingga Jumaat : 9.00 pagi hingga 6.00 petang



HEART@Fei Yue Child Protection Specialist Centre

Laman Web: <https://www.fyccs.org/our-work/children/community-based-child-protection-specialist-centre/>

Waktu beroperasi:

Isnin hingga Jumaat: 9.30 pagi hingga 5.30 petang



PAVE Integrated Services for Individual and Family Protection Specialist Centre (PAVE ISIFPSC)

Laman web: <https://www.pave.org.sg>

Waktu beroperasi:

Isnin hingga Jumaat: 9.00 pagi hingga 1 tengah hari;

2.00 petang hingga 6.00 petang



Family Service Centres (FSC)

<https://www.msf.gov.sg/our-services/directories>



Social Service Agencies (SSA)

<https://www.ncss.gov.sg/navigator>



Nasihat Guaman

Jika anda perlukan nasihat guaman, anda boleh berjumpa pihak-pihak berikut:

- Biro Bantuan Guaman (Legal Aid),
- Pusat Keadilan Masyarakat, atau Klinik Guaman di Mahkamah Negara

Sepintas Lalu Istilah yang digunakan

Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (CYP A): Ia adalah suatu perundangan utama yang menjamin kebajikan, penjagaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan orang muda.



Laporan Sosial: Ia adalah laporan berkenaan latar belakang keluarga, kelakuan, rekod sekolah, sejarah kesihatan dan taraf kemajuan kanak-kanak tersebut.

Pegawai Kebajikan: Pegawai yang dilantik oleh Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) untuk menjalankan siasatan, penilaian dan penyeliaan ke atas kanak-kanak tersebut.

Halaman ini sengaja dikosongkan



FAMILY JUSTICE COURTS
S I N G A P O R E